<b>Perunding</b>	AL: Osla Design Partnership C&S: Babtie Jurutera Perunding Sdn. Bhd. M&E: Jurutera JPBZ Sdn. Bhd. QS: JB Bergabung
<b>Kontraktor</b>	Kontraktor Damai Sdn. Bhd.
<b>Pegawai Bertanggungjawab</b>	Puan Nurshikhah binti Daud (Pegawai Penguasa) Puan Siti Annural Balkis binti Mokhtar Puan Nurulhuda binti Mohamed Ghazali

Pelan Induk Pembangunan Taman Awam Tepian Sungai Muar, Tanjung Agas, Tangkak, Johor



**ZON C**  
Integrated playground  
Historical wall  
Tandas  
Promenade  
Papan tanda 'Tangkak'  
Tempat letak kereta

**ZON D**  
Entrance gateway  
Dataran Rakyat  
Laman tradisional  
Iconic sculpture  
Jetty  
Wakaf

Multipurpose parking  
Tiang bendera  
Information wall  
Wakaf  
Tiang bendera

**ZON E**  
Laman Riadah  
Gelanggang Serbaguna  
Trek jogging  
Outdoor gym



Nightscape di keseluruhan kawasan diperindah dengan system pembangunan bagi mewujudkan 'sense of places' Taman Awan ini



Sepuluh batang tiang di Dataran Rakyat mewakili sepuluh daerah di negeri Johor



Papan tanda 'TANGKAK' yang dapat dilihat dengan jelas daripada Bandar Maharani landmark Taman Awam.



Tujuh dulang berukir yang diterjemahkan daripada cerita mitos Puteri Gunung Ledang



Wakaf yang disediakan di antara Senam Rakyat direkabentuk dengan berkonsepkan melayu lengkap dengan pelantar.



Sistem pencahayaan pada waktu malam di papan tanda 'TANGKAK'



Pemandangan nightscape dikawasan taman bagi mewujudkan *sense of places* kepada pengunjung taman.



Rekabentuk *iconic sculpture* sebagai symbol kapsul masa di antara zaman mitos Puteri Gunung Ledang dengan zaman sekarang



Taman permainan kanak-kanak yang disediakan bagi memenuhi keperluan rekreasi kanak-kanak



Taman permainan kanak-kanak yang disediakan bagi memenuhi keperluan rekreasi kanak-kanak.



Jambatan sebagai penghubung dengan pemandangan vista diantara dua taman permainan kanak-kanak dengan Dataran Rakyat.



*Pembangunan*  
**TAMAN PERSEKUTUAN**

# CADANGAN PEMBAIKAN CERUN DI TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR - WARAN JKR

Projek pembaikan cerun TPBK dilaksanakan dengan kerjasama pihak JKR Cawangan Kejuruteraan Cerun melalui penyaluran waran peruntukan. Objektif pelaksanaan projek ini adalah bagi menyelesaikan dan mengatasi isu-isu berkaitan kawalan hakisan cerun di Taman Persekutuan Bukit Kiara. Skop kerja pembaikan melibatkan 4 lokasi utama yang menggunakan beberapa kaedah kawalan hakisan.

<b>Agensi Pelaksana</b>	JKR Cawangan Kejuruteraan Cerun
<b>Kontraktor</b>	Consolidated Solutions Sdn. Bhd
<b>Tempoh Siap Kerja</b>	52 minggu
<b>Tarikh Milik Tapak</b>	05/03/2019
<b>Tarikh Jangka Siap</b>	02/03/2020
<b>Tarikh Siap Sebenar</b>	1/12/2020
<b>Skop Kerja</b>	<i>Excavation, Filling, Hydroseeding, Sand bag, Drainage Blanket, Geogrid Blanket, Armour Rock Base, Geogrid Separator, Interlocking Retaining Wall Block, Berm Drain, Interceptor Drain, Toe Drain, Stone pitching, Sump, Sand Excavation, Geotextile Separator, Anchor Pin, Weephole, Berm Drain, Handrail at Cascading Drain, Base Slab, Culvert Crossing, Stone Pitching, Resurface of Service Road, Anchor pitching, Cascading drain</i>

Pembaikan cerun di lokasi 1 Zon Rekreasi Keluarga, TPBK





Pembaikan cerun di lokasi 2 Zon Arboretum, TPBK



Pembaikan cerun di lokasi 3 Zon Arboretum, TPBK




Pembaikan cerun di lokasi 4 Zon Arboretum, TPBK

## PELAKSANAAN OPERASI DAN PEMANTAUAN PEMATUHAN STANDART OPERATING PROSEDURE (SOP) BAGI PANDEMIK COVID 19 DI TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR.

Selaras dengan arahan pihak Kerajaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mencegah pandemik COVID 19, Jabatan Landskap Negara telah mengambil langkah segera dengan melaksanakan penutupan Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur kepada orang awam. Sebanyak 2 kali penutupan taman telah dilakukan iaitu penutupan pertama pada 18 Mac 2020 sehingga 11 Jun 2020 manakala penutupan kedua adalah pada 14 Oktober 2020 sehingga 27 Oktober 2020. Walaubagaimanapun, pembukaan semula taman kepada orang awam telah dibuat semasa tempoh Perintah Kawalan Bersyarat (PKPB) dengan mengambilkira pematuhan *Standart Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan.



Notis penutupan taman kepada orang awam dilaksanakan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)



Pemantauan pematuhan SOP dilaksanakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)





*Pembangunan*  
**LANDKSAP PERBANDARAN**

# CADANGAN PEMBANGUNAN LANDSAP PERBANDARAN BATU PAHAT, JOHOR DARUL TA'ZIM

## Pengenalan

Pembangunan Landskap Perbandaran Batu Pahat ini meliputi lima (5) zon utama iaitu Laman Tanjung, Persiaran Bentara, Jalan Penghubung taman dan siarkaki, Dataran Shahbandar dan Taman Tepian Penggaram. Pembangunan ini merupakan satu pelaburan yang akan memberi impak positif di kalangan penduduk tempatan mahu pun pengunjung dari luar untuk sama-sama menikmati kemudahan rekreasi dan riadah terbaru di bandar Batu Pahat. Selain daripada itu, matlamat untuk mewujudkan sebuah bandar yang mempunyai imej tersendiri dengan menggunakan sumber semulajadi yang ada di sekitar kawasan bandar Batu Pahat akan tercapai dan menjadi salah satu pembangunan landskap perbandaran yang mampan.

## Konsep Pembangunan

Konsep pembangunan yang cuba diterapkan bagi Landskap Perbandaran Batu Pahat ialah '*Nurturing Nature*' sebagai usaha menjadikan Batu Pahat sebagai sebuah bandar eko-pelancongan. Dengan berkonsepkan *Nurturing Nature* ini, setiap pembangunan landskap yang dirancang akan menekankan kepada pembentukan dan pemeliharaan ruang-ruang hijau secara bersistematik dan lestari. Ruang-ruang hijau yang direkabentuk di dalam Landskap Perbandaran Batu Pahat ialah '*play*' bagi tujuan kemudahan riadah keluarga, '*Leisure*' untuk kemudahan santai berkumpul, '*connector*' sebagai laluan penghubung antara taman, '*icon*' kemudahan landskap yang ikonik dan '*trendy*' untuk ruang aktiviti santai siang serta malam.





## CADANGAN PEMBANGUNAN LANDSAP PERBANDARAN ALOR SETAR, KEDAH

### Pengenalan

Pembangunan untuk Bandaraya Alor Setar sebagai kawasan ruang Landskap Perbandaran yang dilaksanakan secara bersepadu atau pakej. Kawasan-kawasan ini dibangunkan meliputi komponen-komponen landskap perbandaran. Lanya akan dihubungkan diantara satu sama lain dengan jaringan hijau untuk mendapat kesan yang ketara dan menyeluruh. Lanya diharap dapat mewujudkan kemudahan yang selesa serta selamat kepada warga bandar. Lanya terletak di pusat bandar Alor Setar yang meliputi kawasan institusi kerajaan, swasta, kewangan, perhotelan, pelancongan, pengangkutan dan perumahan. Kawasan pembangunan landskap terdiri daripada beberapa zon. Kawasan pembangunan ini merupakan kawasan komersial utama di Bandaraya Alor Setar dan dilingkungi oleh beberapa kawasan tarikan pelancongan seperti Pekan Rabu, Masjid Zahir, Istana Pertabalan dan Taman Seni Budaya dan Pesisiran Sungai Raja. Ia juga dihubungi melalui laluan masuk dari Kepala Batas, laluan masuk dari Lebuhraya menyusuri Alor Setar Utara dan laluan masuk dari Lebuhraya menyusuri Alor Setar Selatan.

### Konsep Pembangunan

Pembangunan Landskap perbandaran ini direkabentuk dengan berkonsepkan *Heritage Green Walkable* iaitu Warisan Perjalanan Hijau Bandaraya Alor Setar. Ia merangkumi aspek kesenian, perbandaran dan sejarah di mana terdapat bangunan seperti Balai Besar, Masjid Zahir, Balai Nobat dan tidak ketinggalan sejarah kesultanan Melayu Kedah dan budaya serta warisan Kedah yang saling berkait. Selain dari itu, aspek semulajadi seperti kawasan sungai juga di titikberatkan. Pembangunan ini dapat memberikan keselesaan dari segi akses, dan rekreasi. Ia juga mengambilkira dari segi keselamatan, ekonomi dan juga transformasi gaya hidup dan kualiti perbandaran.






*Penyelidikan Et*  
**PEMULIHARAAN**

## PENGENALAN

Laman Tiba Taman Orkid, Taman Botani Diraja Johor telah siap pelaksanaannya pada 26 Februari 2020. Permohonan daripada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri bagi menaiktaraf Taman Botani Diraja Johor ini telah diluluskan di bawah Program Penyelidikan dan Pemuliharaan. Lokasi tapak merupakan sebahagian dari kawasan Istana Besar Johor Bahru dan berdekatan dengan Bangunan Sultanah Zahrah.



# Bangunan Sultanah Zahrah



## MAKLUMAT RINGKAS PROJEK

<b>Keluasan Tapak</b>	2.5 ekar
<b>Tarikh Mula Projek</b>	17 Oktober 2019
<b>Tarikh Siap Projek</b>	9 Julai 2020
<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	Majlis Bandaraya Johor Bahru
<b>Perunding Arkitek Landskap</b>	Tetuan Edup Design
<b>Kontraktor</b>	Tetuan Delima Canggih
<b>Pegawai Penguasa</b>	Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru

## KOMPONEN TAMAN

### Laman Tiba

Kawasan Laman Tiba ini merupakan 'muka hadapan' kepada Taman Botani Diraja Johor. Rekabentuk mengengahkan konsep organik dan lembut bagi menaikkan elemen-elemen semulajadi dan botani. Pokok dan pokok renek dipilih secara teliti untuk mengalu-alukan kedatangan pengunjung. Komponen utama Laman Tiba adalah papan tanda utama dengan elemen air, tempat duduk dan koleksi bunga-bunga bermusim.

### Taman Anggerik

Taman Anggerik merangkumi plaza, arca, papan tanda taman dan trellis dan mempamerkan koleksi tanaman anggerik mengikut kategori seperti berikut:-

Koleksi Anggerik Warisan

Mempunyai papan tanda informasi koleksi anggerik yang terdapat di dalam dan luar negara

Koleksi Anggerik VIP (Johorieensis)

Merupakan spesies anggerik yang dipilih untuk DYMM Sultan Johor. Arca di tengah adalah berkonsepkan bunga anggerik itu sendiri yang diwarnakan biru laut.

Koleksi Sangkar Biru


Koleksi anggerik di sini dijadikan sebagai taman mini anggerik. Arca direkabentuk mengambil ilham daripada mahkota dan diletakkan pada aras paling tinggi di taman ini.




Laman Tiba



Plaza Taman Anggerik



Informasi Anggerik Warisan






Koleksi Anggerik Sangkar Biru



Koleksi Anggerik VIP



Kombinasi pokok teduhan, renek dan angerik dengan pelbagai warna dan tekstur telah meningkatkan kualiti visual dan karakter taman ini.







# *Pembangunan* PERSEKITARAN KEHIDUPAN

## PROGRAM PEMBANGUNAN LANDSKAP PERSEKITARAN KEHIDUPAN DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2020

Program Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan memberi tumpuan untuk menyediakan kawasan persekitaran yang kondusif melalui penyediaan kemudahan infrastruktur landskap yang optimum, indah, berfungsi dan efektif di persekitaran kawasan kediaman dan pekan-pekan kecil. Ia dilihat mampu meningkatkan kualiti landskap melalui integrasi sosial dan menyokong kesejahteraan hidup rakyat.

Pewujudan program Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan ini mampu memberi impak segera kepada rakyat kerana ia memberi fokus khusus kepada pendekatan peningkatan kualiti persekitaran kehidupan melalui pembangunan landskap secara *people centered* dan penambahbaikan *well-being* kehidupan masyarakat setempat.

Komponen projek yang dibangunkan adalah berdasarkan kepada lokasi kawasan projek dan keperluan rekreasi masyarakat setempat. Ia melibatkan pembinaan laluan siar kaki, wakaf, tempat duduk, peralatan permainan kanak-kanak, alatan senaman, tong sampah dan penanaman *softscape*.



[ 1 ]



[ 2 ]



[ 3 ]




[ 4 ]



[ 5 ]



[ 6 ]



[ 7 ]

## Cadangan Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan Di Hospital Tapah, Perak

<b>Hak milik</b>	Hospital Tapah
<b>Keluasan Tapak</b>	3 ekar
<b>Tarikh Mula</b>	25 Oktober 2019
<b>Tarikh Siap</b>	12 Mac 2020
<b>Penerima Manfaat</b>	Kakitangan dan pengguna hospital
<b>Komponen Landskap</b>	<i>Entrance signage, wakaf, laluan pejalan kaki, bangku taman, plaza dan landskap lembut</i>
<b>Pasukan Projek</b>	
<b>Perekabentuk</b>	Puan Nur Aisyah Nadhirah binti Abd Aziz
<b>Pengawai Penguasa</b>	Puan Ramona binti Razali
<b>Wakil Pegawai Penguasa Utama</b>	Puan Nur Aisyah Nadhirah binti Abd Aziz
<b>Penolong Arkitek Landskap</b>	Puan Nurhidayati binti Jofri

\*

1. *Entrance signage*
2. Laluan pejalan kaki
3. Pembinaan wakaf
4. Peralatan permainan kanak-kanak
5. Peralatan permainan kanak-kanak
6. Gabungan *hardscape* dan *softscape*
7. Pembinaan bangku taman

## Cadangan Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan Di Taman Kemajuan, Kangar, Perlis

<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	Majlis Perbandaran Kangar
<b>Status Tapak</b>	Rizab Landskap
<b>Keluasan Tapak</b>	3 ekar
<b>Tarikh Mula</b>	20 Ogos 2019
<b>Tarikh Siap</b>	6 Januari 2020
<b>Penerima Manfaat</b>	Lebih 2,000 orang penduduk
<b>Komponen Landskap</b>	Alatan permainan, <i>Entrance signage</i> , plaza, alatan senaman, laluan pejalan kaki, peralatan permainan kanak-kanak dan landskap lembut

### Pasukan Projek

<b>Perekabentuk</b>	Majlis Perbandaran Kangar
<b>Pengawai Penguasa Jabatan</b>	En. Jasni bin Sabidin Pn. Hafiza binti Mohd Arsau

\*

1. Peralatan permainan kanak-kanak
2. *Entrance signage*
3. Bangku taman dan plaza





[ 1 ]



[ 2 ]



[ 3 ]



[ 4 ]

## Cadangan Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan Di Jalan Utama 27, Taman Mutiara Rini, Skudai, Johor Bharu, Johor

**Pihak Berkuasa Tempatan** Hospital Taph

**Status Tapak**

**Keluasan Tapak** 3 ekar

**Tarikh Mula** 25 Oktober 2019

**Tarikh Siap** 12 Mac 2020

**Penerima Manfaat** Kakitangan dan pengguna hospital

**Komponen Landskap** *Entrance signage, wakaf, laluan pejalan kaki, bangku taman, plaza dan landskap lembut*

### Pasukan Projek

**Perekabentuk** Puan Nur Aisyah Nadhirah binti Abd Aziz

**Pengawai Penguasa Jabatan** Puan Ramona binti Razali

\*

1. *Main entrance* dan plaza
2. Plaza
3. Alatan senaman
4. Wakaf dan laluan pejalan kaki

## Cadangan Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan Di Taman Pauh Jaya, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	Majlis Bandaraya Seberang Perai
<b>Status Tapak</b>	Rizab Landskap
<b>Keluasan Tapak</b>	3 ekar
<b>Tarikh Mula</b>	24 September 2019
<b>Tarikh Siap</b>	19 Februari 2020
<b>Penerima Manfaat</b>	Lebih 2,000 orang penduduk
<b>Komponen Landskap</b>	Alatan permainan, <i>Entrance signage</i> , plaza, alatan senaman, laluan pejalan kaki, peralatan permainan kanak-kanak dan landskap lembut

### Pasukan Projek

<b>Perekabentuk</b>	Majlis Bandaraya Seberang Perai
<b>Pengawai Penguasa Jabatan</b>	Encik Muhammad Safeer bin Rosl

\*

1. Papan tanda taman
2. Laluan pejalan kaki
3. *Stepping stone*
4. Bangku taman dan gelanggang serbaguna





[1]



[2]



[3]



[4]



[5]



[6]



[7]

## Cadangan Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan Di Taman Rekreasi Shah Bandar, Pesisir Payang, Kuala Terengganu, Terengganu

<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
<b>Status Tapak</b>	Rizab Landskap
<b>Keluasan Tapak</b>	3 ekar
<b>Tarikh Mula</b>	24 Ogos 2020
<b>Tarikh Siap</b>	15 November 2020
<b>Penerima Manfaat</b>	Lebih 10,000 orang penduduk sekitar
<b>Komponen Landskap</b>	<i>Entrance signage</i> , laluan pejalan kaki, bangku taman, plaza dan landskap lembut
<b>Pasukan Projek</b>	
<b>Perekabentuk</b>	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
<b>Pengawai Penguasa Jabatan</b>	Encik Muhammad Safeer bin Rosli Puan Fariza Hanim binti Muhamad Jamil

\*

1. Papan tanda taman
2. Bangku taman dan kawasan plaza
3. Bangku taman dan kawasan plaza
4. Bangku taman dan laluan pejalan kaki
5. Bangku taman dan kawasan plaza
6. *Panoramic view* yang menghadap ke arah Jambatan Angkat Kuala Terengganu
7. Laluan pejalan kaki dan lampu taman

## CADANGAN PEMBANGUNAN LANDSKAP PERSEKITARAN KEHIDUPAN DI TAMAN PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH, BANDAR BARU, JERANTUT, PAHANG

<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	Majlis Daerah Jerantut
<b>Status Tapak</b>	Rizab Landskap
<b>Keluasan Tapak</b>	3 ekar
<b>Tarikh Mula</b>	11 September 2020
<b>Tarikh Siap</b>	31 Disember 2020
<b>Penerima Manfaat</b>	Lebih 4,000 orang penduduk sekitar
<b>Komponen Landskap</b>	<i>Mini grandstand, mini pavilion, laluan entrance signage, pejalan kaki, bangku taman, outdoor fitness, kebun komuniti dan gelanggang sepak takraw</i>

### Pasukan Projek

<b>Perekabentuk</b>	En. Jasni bin Sabidin
<b>Pegawai Projek Jabatan</b>	En. Jasni bin Sabidin Pn. Hafiza binti Mohd Arsau En. Meor Yusro bin Meor Saadon Sofian





*Maik Taraf*  
**TAMAN AWAM**

## PENGENALAN

Program Naik Taraf Taman Awam (NTTA) bertujuan untuk meningkatkan kualiti taman awam dan menambahkan bilangan serta fungsi kemudahan rekreasi taman di bawah pengurusan pihak berkausa tempatan (PBT)

Ia meliputi kerja-kerja penambahan kemudahan taman seperti alatan permainan kanak-kanak, litar cergas, wakaf, siar kaki, perabot taman/jalan, tempat letak kereta, pergola, arca, landskap lembut dan penyelenggaraan dalam tempoh kontrak.

Program ini memberi keutamaan kepada taman-taman kejiranan sedia ada dan taman awam yang bersaiz kecil

### CADANGAN NAIK TARAF TAMAN REKREASI PANTAI PERANGINAN KELULUT BAGI MAJLIS DAERAH MARANG, MARANG, TERENGGANU


<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	Majlis Daerah Marang, Terengganu
<b>Keluasan Tapak</b>	3 ekar
<b>Tarikh Mula</b>	2 September 2020
<b>Tarikh Siap</b>	15 November 2020
<b>Penerima Manfaat</b>	95,000 orang penduduk
<b>Komponen Landskap</b>	<i>Entrance signage</i> , peralatan permainan, laluan pejalan kaki, plaza, wakaf, penanaman tumbuhan renek dan pokok teduhan




'Entrance signage' Taman Rekreasi Kelulut yang berlatar belakang Pulau Kapas.



Alatan permainan kanak – kanak



Laluan pejalan kaki dan gazebo yang telah ditambahbaik.



Laluan pejalan kaki dan gazebo yang telah ditambahbaik.







*Aktiviti*  
**JABATAN 2020**

# SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2020 (HLN2020)

Sambutan HLN2020 telah diadakan pada 28 Februari sehingga 1 Mac 2020 bertempat di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur. Majlis Perasmian HLN2020 yang berlangsung pada 1 Mac 2020 (Ahad) telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan. Beliau diiringi oleh YBrs. Puan Hajah Rotina binti Mohd. Daik, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara.

Majlis Perasmian ini turut dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi Kementerian Wilayah Persekutuan, Jabatan dan agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri, Institusi Pendidikan, Badan Bukan Kerajaan, badan korporat, penggiat industri landskap, agensi swasta serta orang awam. Tema sambutan HLN2020 adalah 'Generasi Muda Mencerak Landskap Negara'. HLN2020 ini juga dianjurkan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP).



## PENGIKTIRAFAN NEGARA TAMAN TERINDAH

### INISIATIF NEGARA TAMAN TERINDAH

Pengiktirafan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang komited dalam meningkatkan mutu perkhidmatan landskap secara komprehensif di kawasan masing-masing.

Tempat Pertama	Majlis Bandaraya Johor Bahru (RM1,000,000.00)
Tempat Kedua	Majlis Bandaraya Shah Alam (RM500,000.000)
Tempat Ketiga	Majlis Bandaraya Ipoh (RM300,000.00)



## INISIATIF LANDSKAP KOMUNITI NEGARA

Pengiktirafan kepada komuniti yang proaktif dalam kerja-kerja perlandskap, pengindahan dan penghijauan kawasan kejiranan.

Tempat Pertama	Pusat Kebun Komuniti Tasik Teratai 8 Timur, Shah Alam, Selangor (RM20,000.00)
Tempat Kedua	Taman Desa Anggerik, Serendah, Hulu Selangor, Selangor. (RM15,000.000)
Tempat Ketiga	Persatuan Penduduk Taman Mewah, Yong Peng, Johor. (RM10,000.00)



## INISIATIF NEGARA TAMAN

Pengiktirafan kepada pemaju yang memberi sumbangan cemerlang dalam melaksanakan pembangunan lestari dengan mengekal, membangun dan mengurus kawasan landskap dalam kawasan penempatan yang dibangunkan.

- i. SP Setia Group
- ii. Gamuda Land
- iii. Sime Darby Properties



# AKTIVITI DAN PROGRAM HLN2020

---













# SEMINAR KARAKTER LANDSKAP DAN KUALITI VISUALDALAM PERANCANGAN LANDSKAP

## PENGENALAN

Pada 2 Mac 2020 bertempat di Biro Pelancongan Kuala Lumpur, Jabatan Landskap Negara telah menganjurkan Seminar Karakter Landskap dan Kualiti Visual Dalam Perancangan Landskap bersempena dengan Sambutan Hari Landskap Negara 2020 yang telah disambut pada 1 Mac 2020. Seminar ini dirasmikan oleh YBrs. Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Puan Hajah Rotina Binti Mohd. Daik. Seminar ini bertujuan untuk berkongsi pengetahuan, bertukar pandangan dan pengalaman dalam pelaksanaan penilaian karakter landskap dan kualiti visual di Malaysia. Semua ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan para profesional arkitek landskap, pembuat dasar dan pelaksana pembangunan di peringkat kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

## MATLAMAT

Matlamat seminar ini diadakan adalah bagi mewujudkan kesedaran di kalangan peserta akan kepentingan karakter landskap dan kualiti visual dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan kawasan landskap di negara ini. Seminar ini juga menjadi *platform* dalam usaha mengumpul maklumat dan menentukan hala tuju Jabatan supaya penilaian karakter landskap dilaksanakan di seluruh Malaysia dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

## PEMBENTANG KERTAS KERJA DAN PESERTA BENGKEL

YBrs.Ketua Pengarah JLN telah sudi menyampaikan ucapan bertajuk 'Karakter Landskap Membentuk Wawasan Negara' dan pengisian seminar dilengkapi dengan pembentangan 8 kertas kerja oleh pembentang yang mempunyai latar belakang dalam pelbagai bidang pengkhususan termasuklah teori karakter landskap, teknik dan kaedah yang digunakan serta kajian kes yang dilaksanakan di kawasan karakter landskap bagi menghasilkan penilaian karakter landskap dan penilaian kualiti visual dalam sesebuah cadangan pembangunan. Berikut adalah senarai pembentang dan tajuk kertas kerja :-

<b>LAr. Anuar Bin Mohd Noor</b> Perunding Landskap Sitelink (M) Sdn. Bhd	Penilaian Karakter Landskap (LCA) : Antara Konsep Dan Halatuju Pelaksanaannya Di Malaysia
<b>Prof Madya LAr. Dr. Suhardi Bin Maulan</b> Dekan Fakulti Rekabentuk dan Senibina UPM	<i>The Relevancy Of Landscape Characters And Visual Quality Assessment For National Development</i>
<b>En. Wan Fakaruddin Bin Wan Ab Aziz</b> Jabatan Landskap Negara	<i>Adopting The Landscape Character Assessment In Landscape Masterplan - A Tool For Holistic Landscape Planning And Policy Formulation</i>
<b>Prof Madya LAr. Dr. Khalilah Binti Zakariya</b> Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	<i>Rural Landscape Characters For Tourism Route Planning</i>
<b>LAr. Zainul Hakim Bin Mohd. Zain</b> Perunding Landskap ABD	Penilaian Karakter Landskap : Langkah Asas Ke Arah Penjanaaan Identiti Serta Mencapai Pembangunan Mampan Setempat
<b>Pn. Mastura Binti Ismail</b> Jabatan Landskap Negara	Menggunakan Manual Karakter Landskap Malaysia - Kajian Laluan Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur - Singapura
<b>En. Murali Ram</b> Think City	<i>Community, Culture And Climate Consideration In Landscape Design</i>
<b>Tuan Syed Khalid Bin Syed Ali</b> Jabatan Warisan Negara	Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Landskap Warisan Berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]

Bilangan peserta yang hadir pada perasmian tersebut adalah seramai 134 orang yang terdiri daripada arkitek landskap dan wakil pihak berkuasa tempatan, perunding arkitek landskap, pensyarah dan pelajar universiti.



Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara merasmikan seminar dan bergambar kenangan bersama pembentang dan peserta seminar.



KP JLN menyampaikan ucapan pembukaan seminar sempena HLN2020







# PERASMIAN PEMBUKAAN SEMULA TAMAN BOTANI PERAK

Lawatan Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara ke Taman Botani Perak bagi merasmikan Pembukaan Semula Taman Botani Perak. Perasmian ini bagi tujuan pemberitahuan rasmi pembukaan semula taman kepada pengunjung setelah ditutup sejak 18 Mac 2020 berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Majlis turut dihadiri oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping (MPT) dan pengurusan tertinggi MPT, Ahli Majlis, pihak media, NGO dan pengunjung taman. Sidang akhbar turut diadakan pada majlis ini dan para jemputan kemudiannya dibawa melawat sekitar Taman Botani Perak.





## PAMERAN JABATAN LANDSKAP NEGARA TAHUN 2020

Pada tahun 2020, sebanyak 3 buah pameran telah diadakan seperti di jadual berikut :

Pameran	Tarikh	Lokasi
Putrajaya Parks Day 2020	23 Feb. 2020	Taman Wawasan, Presint 2, Putrajaya, Putrajaya
Hari Landskap Negara 2020 (HLN2020)	28 Feb - 1 Mac 2020	Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur
Kebun Komuniti Di PPR Lembah Subang 2	15 Ogos 2020	PPR Lembah Subang 2, Selangor

### Putrajaya Parks Day 2020



YBM KWP melawati booth pameran JLN



Informasi dan poster maklumat JLN yang disediakan di booth JLN untuk makluman pengunjung pameran

## Hari Landskap Negara 2020 (HLN2020)



KP JLN dan pegawai JLN di hadapan booth JLN

## Kebun Komuniti Di PPR Lembah Subang 2



YB KPKT merasmikan Modul Asas Pembudayaan Landskap – Jemari Hijau sempena Majlis Pelancaran Kebun Komuniti di PPR Lembah Subang 2, Selangor



Komuniti PPR Lembah Subang 2 mengambil Kesempatan mengunjungi booth pameran JLN

# LAWATAN KETUA SETIAUSAHA (KSU), KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE JABATAN LANDSKAP NEGARA

Hari ini dalam sejarah, tarikh 14 Ogos 2020 bersamaan 24 Zulhijjah 1441 Hijrah, bangunan Jabatan Landskap Negara di Parcel F, Blok F10, Presint 1, Putrajaya telah dirasmikan dengan sempurnanya oleh YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, Ketua Setiausaha (KSU), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Ianya turut disaksikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Dr. Mary Wong Lai Lin, Datuk Azhar bin Ahmad dan Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah dan juga semua Ketua Jabatan serta Setiausaha Bahagian (SUB) KPKT yang hadir untuk Mesyuarat Pengurusan KPKT Bilangan 19/2020. Ketua Pengarah Landskap Negara, Puan Hajah Rotina binti Mohd Daik turut bersama untuk menyaksikan detik yang bersejarah ini.





# LAWATAN KETUA SETIAUSAHA (KSU), KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE KEBUN BANDAR SHAH ALAM

Pada 15 Ogos 2020, YBhg. Datuk KSU KPKT, Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan telah melawat ke kebun komuniti Seksyen 8, Shah Alam. Beliau telah diiringi oleh YBhg. Datuk Mary Wong Lai Lin TKSU Dasar, En. Muhammad Razman bin Abu Samah TKSU Pengurusan, YBhg. Datuk Azhar bin Ahmad TKSU Kesejahteraan Bandar dan KP Landskap Negara Pn. Hjh. Rotina binti Mohd Daik. Turut hadir YBhg. Dato' Hj. Haris bin Kasim, Datuk Bandar Shah Alam, pegawai MBSA dan komuniti Seksyen 8 yang di ketuai oleh YBhg. Datuk Zainuddin bin Ahamad.

Lawatan ini adalah bertujuan untuk meninjau salah satu kebun yang diusahakan oleh komuniti dengan kerjasama PBT dan telah mendapat pengiktirafan di Hari Landskap Negara (HLN) 2020 sebagai pemenang Anugerah Inisiatif Landskap Komuniti Negara Taman.





## PERPINDAHAN KEMENTERIAN


Jabatan Landskap Negara telah berada dibawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sejak penubuhan Jabatan iaitu pada tahun 1996. Namun disebabkan tampuk kerajaan yang bertukar pada tahun 2018, Jabatan telah ditempatkan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Pada tanggal 10 Mac 2020, Jabatan Landskap Negara secara rasminya telah berpindah semula dari Kementerian Wilayah Persekutuan ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Perpindahan Kementerian ini telah memberi ruang kepada pihak Jabatan dan juga Pihak Berkuasa Tempatan untuk berurusan berkaitan dengan pembangunan landskap seluruh negeri.

## IBU PEJABAT BARU JABATAN LANDSKAP NEGARA KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL F, PUTRJAYA

Pada tanggal 20 Februari 2020 (20.02.2020) Jabatan Landskap Negara(JLN) secara rasminya telah berpindah ke Kompleks Pejabat Pentadbiran Kerajaan, Parcel F Precint 1, Putrajaya. Selama hampir 24 tahun iaitu sejak dari tahun 1996 Jabatan telah beroperasi di Plaza Permata(IGB) Kuala Lumpur. Kompleks Pejabat Pentadbiran Kerajaan ini terdiri daripada 10 blok iaitu 9 menara pejabat serta blok kemudahan berkongsi (termasuk dewan serbaguna, surau dan kafeteria). Saiz keluasan tapaknya kira-kira 33.47 ekar. Terletak di Presint 1, dikelilingi oleh Persiaran Sultan Sallahuddin Abdul Aziz Shah di barat, Lebuhraya Perdana Timur di selatan, PUSPAHANAS di utara dan Sekolah Sultan Alam Shah dan GDC Plant 1 di sebelah timur pembangunan. Pejabat ini adalah merupakan projek pertama kerajaan yang mengaplikasikan Building Information Modelling, BIM dari peringkat rekabentuk sehingga ke peringkat pengurusan fasiliti.

Parcel F direkabentuk sebagai satu siri lapisan bentuk bangunan dan aliran lalu lintas yang akan menyumbang kepada pengalaman pengguna yang berbeza. Motif rekaan bangunan ini ditafsirkan dari pakaian tradisional 'songket'. Pada tanggal 14 Ogos 2020, YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merasmikan pejabat Jabatan Landskap Negara dan sekaligus mengadakan Mesyuarat Pengurusan KPKT Bil.19/2020 di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Jabatan Landskap Negara.

# Pelan kawasan Parcel F





Pejabat lama JLN, Plaza Permata IGB, Kuala Lumpur



**AKTIVITI PERPINDAHAN DARIPADA PEJABAT JABATAN LANDSKAP NEGARA DI KUALA LUMPUR KE PEJABAT LANDKSAP NEGARA DI PUTRAJAYA**





**LAWATAN OLEH KETUA PENGARAH  
JABATAN LANDSKAP NEGARA DAN  
PENGURUSAN JABATAN KE PEJABAT  
BAHARU DI PUTRAJAYA.**





Pejabat baharu Jabatan Landskap Negara di Putarajaya

## PROGRAM KEBUN BANDAR LEMBAH SUBANG

Majlis Pelancaran Kebun Komuniti di PPR Lembah Subang 2, Petaling Jaya, Selangor

YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin pada hari ini bersama-sama dengan YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah melancarkan Program Kebun Komuniti di PPR Lembah Subang 2, Petaling Jaya, Selangor.

Program Kebun Komuniti ini merupakan inisiatif KPKT bersama MAFI dalam usaha meningkatkan pendapatan penduduk setempat melalui aktiviti pertanian.

Pelbagai jenis tanaman seperti bayam brazil, cukai, cili, kubis dan lain-lain telah diusahakan di Kebun Komuniti ini melibatkan komuniti setempat. Apa yang menarik berkaitan kebun komuniti ini adalah semua hasil-hasil tanaman ini akan dinikmati bersama dengan komuniti itu sendiri. Bersama kita menanam, bersama kita menuai dan nikmati.

Turut dilancarkan pada program ini adalah Buku Jemari Hijau yang berfungsi sebagai panduan kepada orang umum mengenai bagaimana kita boleh mewujudkan lanskap atau taman yang terdiri daripada tanaman boleh makan.

YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin turut mengumumkan pemasangan kamera litar tertutup di kawasan PPR Lembah Subang 2 agar keselamatan penduduk akan lebih terjamin dan pemantauan yang lebih efisien dapat dilaksanakan.



# HEBAHAN DAN PROMOSI PROGRAM JABATAN LANDSKAP NEGARA 2020



NASIONAL FM





RTM: SELAMAT PAGI MALAYSIA (SPM)



RTM: TRAXX FM



TV3: MALAYSIA HARI INI (MHI)





*Majlis Bersama*  
JABATAN (MBJ JLN)

## AHLI MAJLIS BERSAMA JABATAN SESI 2019 HINGGA 2021

Pengerusi	: Mohamad Sabrie bin Mansor
Naib Pengerusi	: Wan Fakaruddin bin Wan Ab. Aziz
Setiausaha Bersama	: Nur Aisyah Nadhirah binti Abd Aziz
Ahli	: Ahmad Benbela Muzakal bin Mohd Zawawi
Ahli	: Juliana binti Ahamat
Ahli	: Zulazmi bin Mamat
Ahli	: Sapura Solehah binti Saidin
Ahli	: Ahmad Radhi bin Rossidin
Ahli	: Zalina binti Ariffin

### PROGRAM/AKTIVITI :

NAMA PROGRAM	TARIKH/MASA	TEMPAT	PENGERUSI
<b>Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (Mbj) Bil. 1/2020</b>	18 Jun 2020 (Khamis) / 11.00 pagi	Bilik Mesyuarat Bunga Raya Jabatan Landskap Negara	Pn. Hjh Rotina binti Mohd Daik Ketua Pengarah
<b>Mesyuarat Pre- Council Majlis Bersama Jabatan (Mbj), Kpkt Bil. 2/ 2020</b>	22 Julai 2020 (Rabu) / 2.30 Petang	Bilik Mesyuarat Akik Merah, Aras 12, KPKT	YBrs. Tuan Muhammad Nor Azam bin Samah Setiausaha Bahagian Bahagian Sumber Manusia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
<b>Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (Mbj) Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (Kpkt) Bil. 2/2020</b>	1 September 2020 (Selasa) / 10.30 Pagi	Bilik Mesyuarat Berlian, Aras 18, KPKT	YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
<b>Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (Mbj) Bil. 2/2020</b>	2 November 2020 (Isnin) / 9.30 pagi	Melalui <i>Google Meet</i>	Pn. Hjh Rotina binti Mohd Daik Ketua Pengarah
<b>Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (Mbj) Bil. 3/2020</b>	23 Disember 2020 (Rabu) / 9.30 pagi	Melalui <i>Google Meet</i>	Pn. Hjh Rotina binti Mohd Daik Ketua Pengarah



*Kelab Kebajikan*  
JABATAN LANDSKAP  
NEGARA

## **AHLI JAWATANKUASA KELAB KEBAJIKAN SESI 2020 HINGGA 2022**

Pengerusi	: Encik Muhammad Haziq bin Rusli
Timbalan Pengerusi	: Encik Ahmad Benbela Muzakal bin Mohd Zawawi
Setiausaha	: Puan Lailatul Badariah binti Mohd Ikmal Hisham
Pen. Setiausaha	: Puan Norsidah binti Mohamad
Bendahari	: Puan Norhaizul Azmirai binti Yusoff
Pen. Bendahari	: Encik Mohd Radzi bin Raba'ee

### **Biro Kebajikan & Kerohanian:**

Encik Mohd Norsobirin bin Jamsari  
Encik Mohd Izzrul bin Zaharudin

### **Biro Sosial & Perhubungan:**

Encik Khairil Asraf bin Abu Bakar  
Cik Nur Aina binti Ahmad Asri

### **Biro Keusahawanan & Penajaan:**

Puan Norlia binti Razali  
Cik Diana binti Mohd Daud

### **Biro Sukan & Rekreasi**

Encik Mohd Syarfawi bin Mat Ali  
Encik Muhamad Azuha bin Ramli

### **Auditor:**

Puan Mastura binti Ismail  
Puan Siti Annural Balkis binti Mokhtar

Sepanjang tahun 2020, Kelab Kebajikan JLN telah berjaya secara aktif menganjurkan aktiviti/program berikut :-

TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
20.7.2020	Sambutan Majlis Persaraan Puan Arfah binti Ishak, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Landskap Negara	Ruang Legar Tingkat 10, JLN
24.7.2020	Sesi Perkongsian Ilmu Solat dan Perspektif Sains	Bilik Pameran, Tingkat 10, JLN
7.8.2020	Aktiviti Ziarah Encik Adnan bin Baharuddin sempena pengebumian ibunda beliau. Penyerahan sumbangan khairat kematian pada 13 Ogos 2020	Tanah Perkuburan Sg Kantan, Kajang
10.8.2020	Majlis Perpisahan Encik Ahmad Farhan bin Zailudin, Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Landskap Negara	Ruang Legar Tingkat 10, JLN
24.8.2020	Aktiviti Ziarah Encik Mansor bin Mohamad sempena pengebumian ibunda beliau. Penyerahan sumbangan khairat kematian pada 4 September 2020.	Kediaman keluarga Encik Mansor bin Mohamad di Melaka
27.8.2020	Perlawanan Futsal Persahabatan antara Jabatan Landskap Negara dan PLANMalaysia	Kompleks Futsal Taman Pancarona P18, Putrajaya
27.8.2020	Aktiviti ziarah dan penyerahan sumbangan khairat kematian kepada keluarga arwah Encik Shamsuddin bin Ripin (bekas warga JLN).	Kediaman keluarga Encik Shamsuddin bin Ripin di Gombak
10.8.2020-31.8.2020	Pertandingan Fotografi bersempena Sambutan Hari Kemerdekaan ke-63 peringkat Jabatan	Ruang Legar Tingkat 10, JLN
11.9.2020	Majlis Bacaan Yasin Peringkat Jabatan	Surau Tingkat 7, JLN
22.9.2020	Sesi Penyerahan Cenderahati bagi sesi Majlis Perpisahan Puan Norhasidah Binti Abdul Latip	Ruang Legar Tingkat 10, JLN
2.1.2020	Majlis Bacaan Yassin Peringkat Jabatan	Surau Tingkat 7, JLN
9.10.2020	Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil bersempena kematian ibunda Encik Roslee bin Abdullah	Surau Tingkat 7, JLN
20.11.2019	Penyerahan sumbangan khairat kematian arwah ibunda Encik Roslee bin Abdullah	Bilik Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan, Tingkat 8, JLN

Sambutan Majlis Persaraan Puan Arfah binti Ishak, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Landskap Negara



Sesi Perkongsian Ilmu Solat dan Perspektif Sains



Aktiviti Ziarah Encik Adnan bin Baharuddin sempena pengebumian ibunda beliau. Penyerahan sumbangan khairat kematian pada 13 Ogos 2020



Majlis Perpisahan Encik Ahmad Farhan bin Zailudin, Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Landskap Negara



Aktiviti Ziarah Encik Mansor bin Mohamad sempena pengebumian ibunda beliau. Penyerahan sumbangan khairat kematian pada 4 September 2020.



Pertandingan Futsal Persahabatan antara Jabatan Landskap Negara dan PLANMalaysia



Pertandingan Fotografi bersempena Sambutan Hari Kemerdekaan ke-63 peringkat Jabatan



Aktiviti ziarah dan penyerahan sumbangan khairat kematian kepada keluarga arwah Encik Shamsuddin bin Ripin (bekas warga JLN).



Sesi Penyerahan Cenderahati bagi sesi Majlis Perpisahan Puan Norhasidah Binti Abdul Latip



Majlis Bacaan Yassin Peringkat Jabatan





# *Aktiviti* **PUSPANITA JLN**

Sepanjang tahun 2020, PUSPANITA JLN telah berjaya secara aktif menganjurkan aktiviti/program berikut :-



Peserta dari agensi di bawah KPKT turut serta di dalam pertandingan.





Mesyuarat Agung PUSPANITA 2020  
dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JLN





Antara aktiviti yang dijalankan sempena Mesyuarat Agung PUSPANITA JLN seperti jamuan makan, cabutan bertuah dan sesi perkongsian bersama Ketua Pengarah JLN.



**JABATAN LANDSKAP NEGARA**

TINGKAT 7, 8, 9 & 10, BLOK F10, BLOK F10,  
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN PARCEL F,  
PRESINT 1, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62000 PUTRAJAYA, MALAYSIA



(603) 8091 0500



(603) 8091 0670



kpjln@jln.gov.my